

Analisis Tret Personaliti al-Falāḥ dalam al-Quran

[Analysis of al-Falāḥ's Personality Traits in the Qur'an]

Siti Jamiaah Abd Jalil*¹, Khazri Osman¹, Nurul Ainie Nawawi¹

¹ Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM
Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

* Corresponding author: sitijamiaah82@ukm.edu.my

Abstrak

Menetapkan sesuatu ciri-ciri keperibadian individu berjaya atau bahagia itu agak subjektif. Dalam konteks agama Islam, memiliki tret atau sifat al-falāḥ adalah kunci kepada kejayaan dan kebahagiaan manusia dalam kehidupan. Istilah al-falāḥ merujuk kepada golongan 'al-muflihūn' yang disebut Allah SWT di banyak tempat di dalam al-Quran. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tret personaliti al-falāḥ yang dinyatakan di dalam al-Quran. Metode analisis kandungan digunakan dengan menganalisis ayat al-Quran yang mengandungi istilah al-falāḥ dengan bantuan aplikasi Quran Al Kareem melalui sistem operasi iPad OS 13.1.2 dan aplikasi Quran for Android melalui sistem operasi Android. Hasil kajian mendapati terdapat 40 ayat yang mengandungi perkataan yang berasaskan istilah al-falāḥ. Daripada 40 ayat tersebut, terdapat 30 tret personaliti al-falāḥ (TPF) yang dikenal pasti. Hasil analisis mendapati 30 TPF dapat dibahagikan kepada 3 bahagian berdasarkan kekerapan yang dinyatakan di dalam ayat-ayat al-falāḥ. Tret al-falāḥ ini menjadi indikator kepada tret kualiti keperibadian manusia untuk mencapai kesejahteraan kehidupan di dunia dan di akhirat.

Keywords: Personaliti, al-falāḥ, al-Quran, bahagia, kejayaan.

Abstract

Determining the personality characteristics of successful or happy individuals is quite subjective. In the context of Islam, having the trait or nature of al-falāḥ is the key to success and happiness, in life. The term al-falāḥ refers to the group of 'al-muflihūn' mentioned by Allah SWT in many places in the Qur'an. Therefore, this study aims to identify the personality traits of al-falāḥ stated in the Quran. The content analysis method is used by analyzing verses of the Quran that contain the term al-falāḥ with the help of the Quran Al Kareem application through the iPad OS 13.1.2 operating system and the Quran for Android application through the Android operating system. The study found that 40 verses contain words based on the term al-falāḥ. From the 40 verses, the study identified 30 al-falāḥ personality traits (TPF). The analysis results found that 30 TPF can be divided into three parts based on the frequency stated in the verses of al-falāḥ. This trait of al-falāḥ is an indicator of the quality of human personality traits to achieve the well-being of life in this world and the hereafter.

Keywords: *Personality, al-falāḥ, al-Qur'an, happiness, success.*

Manuscript Received Date: 09/08/22

Manuscript Acceptance Date: 010/11/22

Manuscript Published Date: 30/11/22

©The Author(s) (2022). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my

doi:<https://doi.org/10.33102/ujj.vol34no3.500>

1.0 Pendahuluan

Fitrah setiap manusia untuk mencapai kebahagiaan, kejayaan dan kesejahteraan hidup. Namun, definisi atau makna kebahagiaan dan kejayaan itu agak subjektif dan berbeza sama ada bagi individu atau sesuatu kelompok masyarakat (Azahan et al., 2006; Mohd Annas, 2020). Dari perspektif Islam, konsep kebahagiaan dan kejayaan bukan sahaja sekadar untuk dunia tetapi juga di akhirat. Oleh itu, indikator kejayaan atau kebahagiaan tidak hanya ada pada penilaian manusia semata-mata tetapi terletak juga kepada pandangan Allah SWT yang Maha Berkuasa di alam Akhirat. Mendapat reda Allah SWT itu adalah kebahagiaan dan kejayaan yang hakiki dan diimpikan oleh orang-orang yang beriman. Oleh yang demikian, bagi menentukan ciri-ciri atau tret personaliti individu Muslim yang berjaya perlu mengikut indikator atau ciri-ciri yang ditetapkan oleh Allah SWT sama ada melalui Kalam Allah iaitu al-Quran atau Sabda Rasul yakni hadis (Nurul Hudani & Baharudin 2016). Melalui kajian ini, al-Quran menjadi sumber untuk mengenal pasti tret personaliti al-falāh.

Personaliti ialah merujuk kepada ciri atau sifat keperibadian seseorang (Nurul Izzah & Razaleigh 2020). Pembentukan personaliti dipengaruhi oleh faktor genetik dan persekitaran. Namun, banyak kajian menunjukkan faktor persekitaran lebih tinggi pengaruhnya terhadap pembentukan personaliti individu (Ayoub et al. 2019). Hal ini juga ada disebut dalam hadis Nabi Muhammad SAW.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يمجسانِهِ

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah ra berkata: Nabi SAW bersabda: “Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian ibubapanya yang akan menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Hadis Riwayat Bukhari: No. 1271)

Berdasarkan hadis di atas menunjukkan faktor luaran seperti didikan ibubapa yang membentuk peribadi anak-anak sama ada untuk menjadi individu berperibadi Yahudi, Nasrani atau Majusi. Oleh yang demikian, amat penting mengenal pasti ciri-ciri personaliti yang boleh membentuk keperibadian yang unggul bagi mencapai kejayaan dan kebahagiaan yang sebenar.

Di dalam Islam, istilah al-falāh merangkumi makna kebahagiaan (Siti Fajriah, Didi & Maimun, 2016; Siti Rohmatul 2018), keberuntungan, kejayaan (Khaerul Aqbar, Azwa Iskandar, Akhmad Hanafi, 2020), kecemerlangan (Sidek, 2003), kesejahteraan (Nur Shahida, 2013), keselamatan (Husaain, 1994), kerahmatan (Shuhairimi, 2012), keampunan (Dudung, 2015), kemenangan (Ibn Manzur, 1968), kenikmatan (Mahmud Ahmad, 2016), kesempurnaan (Sidek, 2003), keberkatan (Noor Hayati, 2016), keseimbangan (Mohd Zain, 2015), ketenangan hidup di dunia dan akhirat (Nor Sahida & Sanep, 2013; Mohd Zain 2015). Al-falāh bermatlamat untuk mendapat keredaan Allah SWT dalam setiap usaha yang dilakukan (Mohd Adib, Azizi & Shuhairimi, 2014). Al-falāh berkait dengan kesejahteraan hidup yang merangkumi kejayaan di dunia dan di akhirat yang dicapai melalui keseimbangan rohani dan material manusia serta meliputi kecukupan fizikal dan ketenangan hidup (Nur Shahida, 2013). Di dalam al-Quran terdapat 40 ayat yang berkait dengan al-falāh yang mengandungi indikator amalan dan pegangan yang dapat membawa kepada kesejahteraan hidup.

Menurut Abdul Mukti (2020), istilah al-falāh digunakan di dalam al-Quran dan diulang sebanyak 40 kali dalam al-Quran melalui tiga bentuk iaitu fi'il madi (perbuatan yang lalu), fi'il mudari' (perbuatan yang sedang atau akan berlaku) dan isim fa'il (kata nama pelaku). Terdapat perbezaan dalam ketiga-tiga bentuk ungkapan al-falāh ini. Ia membincangkan tentang perkara yang pasti apabila diungkapkan dalam bentuk fi'il madi. Kemudian ia membincangkan tentang kaedah mencapai al-falāh itu sendiri ketika diungkapkan dalam bentuk fi'il mudari'. Seterusnya ia menghuraikan ciri-ciri mereka yang berhasil mencapai al-falāh ketika diungkapkan dalam bentuk fa'il.

Selain itu, di dalam al-Quran, istilah al-muflihūn merujuk kepada golongan yang mempunyai ciri-ciri yang berlawanan dengan golongan kafir, munafik dan fasiq (al-Quran, 2: 2-18). Golongan al-muflihūn juga merupakan lawan bagi golongan al-zholimūn (golongan zalim) (al-Quran, 28: 37). Manakala, perbezaan ini turut diperincikan di dalam al-Quran dengan ciri-ciri amalan atau peribadi bagi seseorang memiliki peribadi al-falāh. Berdasarkan itu, jelas di sini, Allah SWT ada memberi perincian ciri-ciri atau tret personaliti berkualiti yang dapat memberi kejayaan dalam kehidupan manusia sama ada di dunia dan akhirat melalui al-Quran.

Terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan bagi memahami konsep al-falāh. Namun kajian empirikal berkaitannya masih kurang. Hal ini antaranya disebabkan oleh skop al-falāh yang dikatakan memerlukan perbincangan yang sangat luas serta tiada alat ukuran atau indikator yang jelas khususnya berkaitan personaliti al-falāh. Oleh itu, kajian ini amat penting dilaksanakan bagi mengetahui indikator spesifik atau asas kayu ukur kepada tret personaliti atau ciri-ciri peribadi al-falāh berlandaskan sumber tertinggi agama Islam iaitu al-Quran. Hal ini juga berikutan, kajian berkaitan tret personaliti al-falāh secara khusus melalui analisis ayat al-Quran masih belum lagi ditemui. Rentetan itu, kajian ini akan menganalisis tret personaliti al-falah dalam al-Quran agar dapat menjadi rujukan untuk mencapai kualiti bagi kehidupan di dunia dan akhirat.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode analisis kandungan bagi menganalisis tret personaliti al-falāh (TFP) di dalam al-Quran. Terdapat 3 aplikasi al-Quran digunakan iaitu satu melalui sistem operasi android OS iaitu ‘Quran for Android’ dan dua melalui sistem operasi Apple iOS iaitu ‘Quran Al Kareem’ dan ‘Quran-by Quran.com’ digunakan sebagai alat untuk membantu proses analisis kandungan. Kata dasar *فلح* menjadi kunci perkataan bagi carian di ketiga-tiga aplikasi yang digunakan. Hasil carian melalui ketiga-tiga aplikasi tersebut mendapati terdapat 40 ayat yang mengandungi perkataan yang berkait dengan kata dasar falaha (*فلح*).

Analisis deskriptif dilakukan dengan menggunakan kaedah manual terhadap 40 ayat tersebut bagi mengenal pasti TFP yang terkandung dalamnya. Analisis tematik juga dilakukan bagi mengenal pasti keutamaan atau pemberat kepada TFP yang diperolehi

3.0 Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil analisis kandungan yang dilakukan mendapati terdapat 40 perkataan meliputi 40 ayat daripada 24 surah di dalam al-Quran yang mengandungi perkataan yang berkait dengan *al-falāh*. Walaupun terdapat 40 ayat yang mengandungi perkataan *al-falāh*, analisis bagi mendapatkan tret personaliti *al-falāh* (TPF) tidak memfokuskan hanya kepada ayat tersebut sahaja. Malah, ayat-ayat sebelum dan selepasnya yang mempunyai perkaitan turut dianalisis bagi mendapatkan TPF secara keseluruhan yang terkandung di dalam al-Quran.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terdapat 86 ciri yang dikenal pasti berkait dengan sifat *al-falāh* yang diambil daripada 44 ayat al-Quran yang berkaitan. Secara ringkasnya dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah yang menunjukkan analisis dalil atau ayat al-Quran yang mengandungi TPF dan terjemahan ayat yang berkait dengannya.

Jadual 1: Analisis Tret Personaliti *al-falāh* di dalam al-Quran

Bil.	Ayat Al-Quran	Dalil Tret Personaliti <i>al-falāh</i> (TPF)	Jumlah TPF
1	Al-Baqarah: 2 : 2-5	(TPF1) “ Mereka yang beriman kepada perkara ghaib” (TPF2) “ Melaksanakan solat” (TPF3) “ Membelanjakan sebahagian rezeki yang kami berikan kepada mereka” (TPF4) “ Beriman kepada Al-Quran dan kitab-kitab yang diturunkan sebelum Engkau (Muhammad)” (TPF5) “ dan mereka yakin adanya hari akhirat. Merekalah yang mendapat petunjuk dari tuhan mereka dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.”	5
2	Al-Baqarah: 2 : 189	(TPF6) “ Orang yang berbakti dengan tidak melanggar perintah-perintah-Nya” (TPF7) “ Bertaqwalah kepada Allah agar kamu beroleh keberuntungan”	2
3	Al-Imran: 3 : 104	(TPF8) “ dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji)”	1
4	Al- Imran:	(TPF9) “ Janganlah kamu mengambil riba”	2

Analisis Tret Personaliti al-Falāh dalam al-Quran

	3 : 130	(TPF10) “ Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya”	
5	Al- Imran: 3 : 300	(TPF11) “ Bersabarlah” (TPF12) “Mengerjakan perkara-perkara yang berkebijakan” (TPF13) “Kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan dan bersedialah” (TPF14) “Bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)”	4
6	Al-Maidah: 5 : 35	(TPF15) “ Bertaqwalah kepada Allah” (TPF16) “ Mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya” (TPF17) “ Berjuanglah pada jalan Allah”	3
7	Al-Maidah: 5 : 90	(TPF18) “ Bahawa sesungguhnya arak” (TPF19) “ dan judi” (TPF20) “ dan pemujaan berhala” (TPF21) “ dan mengundi nasib dengan batang-batang panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”	4
8.	Al-Maidah: 5 : 100	(TPF22) “ Oleh itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya”	1
9	Al-An’am: 6 : 21	(TPF23) “Sesungguhnya orang yang zalim tidak beruntung”	1
10	Al-An’am: 6 : 135	(TPF24) “ Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan beruntung”	1
11	Al-A’raf: 7 : 8	(TPF25) “ Sesiapa yang berat timbangan amalnya (yang baik), maka mereka itulah orang-orang yang berjaya”	1
12	Al-A’raf: 7 : 69	(TPF26) “ Maka kenanglah akan nikmat-nikmat Allah agar kamu berjaya”	1
13	Al-A’raf: 7 : 157	(TPF27) “ Orang-orang yang mengikut Rasulullah.” (TPF28) “ dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji” (TPF29) “ dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk” (TPF30) “ dan dia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka” (TPF31) “ Maka orang-orang yang beriman kepadanya,” (TPF32) “ dan memuliakannya, juga menolongnya,” (TPF33) “ serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.”	7
14	Al-Anfal: 8 : 45	(TPF34) “ Apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya” (TPF35) “ sebutlah...” (TPF36) “ serta ingatilah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)”	3
5	At-Taubah: 9 : 88	(TPF37) “berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kebaikan dan mereka itulah juga yang berjaya”	1
6	Yunus: 10 : 17	(TPF38) “ Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tidak bahagia”	1
7	Yunus: 10 : 69	(TPF39) “ Katakanlah, Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tidak akan beruntung.”	1
8	Yunus: 10 : 77	(TPF40) “ ... Padahal pesihir itu tidaklah mendapat kemenangan”	1
9	Yusuf: 12 : 23	(TPF41) “ Sesungguhnya orang yang zalim tidak akan beruntung”	1
0	An-Nahl: 16 : 116	(TPF42) “ Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung”	1
1	Al-Kahfi: 18	(TPF43) “ Mereka akan mengembalikan kamu kepada agama mereka	1

	: 20	(secara paksa) dan jika berlaku demikian, kamu tidak sekali-kali akan berjaya selama-lamanya.”	
2	Taha: 20 : 64	(TPF44) “ dan sesungguhnya beruntunglah orang yang menang hari ini”	1
3	Taha: 20 : 69	(TPF45) “ dan tidak akan menang pesihir itu dari mana pun ia datang”	1
4	Al-Hajj: 22 : 77	(TPF46) “ Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang) (TPF47) “ beribadahlah kepada Tuhan kamu (mentauhidkan-Nya) (TPF48) “ serta kerjakanlah amal-amal kebajikan, supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)”	3
5	Al-Mukminun: 23 : 1-9	(TPF49) “ Sungguh beruntung orang-orang yang beriman” (TPF50) “ dan orang yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang tidak berguna” (TPF51) “ dan orang-orang yang menunaikan zakat” (TPF52) “ dan orang-orang yang memelihara kehormatannya” (TPF53) “ dan orang yang menunaikan amanah dan janji”	5
6	Al-Mukminun: 23 : 102	(TPF54) “ Maka sesiapa yang berat timbangan amal baiknya, maka mereka itulah orang-orang yang berjaya”	1
7	Al-Mukminun: 23 : 117	(TPF55) “ Sungguh orang-orang kafir itu tidak akan beruntung”	1
8	An-Nur: 24 : 31	(TPF56) “ dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka” (TPF57) “ ...dan memelihara kehormatan mereka” (TPF58) “ ...janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh” (TPF59) “... dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka” (TPF60) “...dan janganlah menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka” (TPF61) “...dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah”	6
9	An-Nur: 24 : 51	(TPF62) “ kami dengar dan kami taat, dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan”	1
0	Al-Qasas: 28 : 37	(TPF63) “ Sesungguhnya orang yang zalim tidak akan mendapat kemenangan”	1
1	Al-Qasas: 28 : 67	(TPF64) “ adapun orang yang bertaubat” (TPF65) “ ... dan beriman” (TPF66) “... serta beramal soleh, maka semoga akan menjadilah dia dari orang-orang yang berjaya”	3
2	Al-Qasas: 28 : 82	(TPF67) “ Benarlah tidak akan beruntung orang-orang yang mengingkari (nikmat Allah)”	1
3	Ar-Rum: 30 : 38	(TPF68) “ Berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing”	1
4	Luqman: 31 : 4-5	(TPF69) “Iaitu orang yang melaksanakan solat,” (TPF70) “...menunaikan zakat” (TPF71) “...meyakini adanya hari akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat hidayat petunjuk dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang berjaya.”	3
5	Al-Mujadalah: 58 : 22	(TPF72) “ Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (agama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya.”	1
6	Al-Hasyr: 59 : 9	(TPF73) “ mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka” (TPF74) “ mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri (TPF75) “ memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya”	3

Analisis Tret Personaliti al-Falāh dalam al-Quran

7	Al-Jumuah: 62 : 10	(TPF76) “ Kemudian setelah selesai sembahyang” (TPF77) “ Maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah” (TPF78) “ Serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya”	3
8	At- Taghabun: 64 : 16	(TPF79) “Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah” (TPF80) “dan dengarlah (akan pengajaran-pengajaran-Nya)” (TPF81) “serta taatlah (akan perintah-perintah-Nya)” (TPF82) “belanjakanlah harta kamu” (TPF83) “(serta buatlah) kebajikan untuk diri kamu” (TPF84) “(ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”	6
9	Al-A’la: 87 : 14	(TPF85) “ Sesungguhnya beruntunglah bagi orang yang membersihkan diri (dengan beriman)	1
0	Asy-Syams: 91 : 9	(TPF86) “ Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa”	1

Berdasarkan jadual di atas, 86 TPF yang dikenal pasti melalui ayat-ayat di atas mempunyai pengulangan dan maksud yang hampir sama. Oleh yang demikian, analisis tematik dilakukan bagi mengenal pasti jumlah TPF yang lebih tepat.

Tret Personaliti al-Falāh

Hasil analisis tematik yang dilakukan mendapati terdapat 30 TPF yang dikenalpasti. Jadual 2 di bawah merupakan ringkasan daripada analisis tematik yang dilakukan.

Jadual 2: Analisis Tematik dan Pemberat TPF

Bil.	Tret Personaliti <i>al-falāh</i> (TPF)	Peratus kekerapan	Kekerapan	No. TPF
TPF1				
1.	Beriman	10%	9	1, 4, 5, 31, 49, 55, 65, 71, 80
2.	Mentaati perintah Allah	8%	7	6, 16, 29, 33, 62, 72, 81
3.	Bertakwa	7%	6	7, 10, 14, 15, 22, 79
4.	Berjihad di jalan Allah	7%	6	13, 17, 34, 37, 43, 44
5.	Melaksanakan solat	5%	4	2, 46, 69, 76
6.	Beribadah dan beramal soleh	5%	4	25, 47, 54, 66
7.	Tidak melakukan kezaliman	5%	4	23, 24, 41, 63
8.	Melakukan kebajikan	5%	4	12, 30, 48, 83
9.	Bertaubat dan menyucikan jiwa	5%	4	61, 64, 85, 86
10.	Bersedekah/infak/berzakat	5%	4	3, 51, 70, 82
TPF2				
11.	Berzikir dan mengingati Allah	4%	3	35, 36, 78
12.	Tidak mensyirikkan Allah	4%	3	20, 40, 45
13.	Menjaga aurat	4%	3	58, 59, 60
14.	Tidak mengadakan kebohongan terhadap Allah	4%	3	38, 39, 42

15.	Mengikuti dan memuliakan Rasulullah SAW	2%	2	27, 32
16.	Melaksanakan Amar Makruf Nahi Mungkar	2%	2	8, 28
17.	Bersyukur dengan nikmat	2%	2	26, 67
18.	Memelihara maruah diri/ Menjauhi zina	2%	2	52, 57
19.	Menjauhi sifat bakhil	2%	2	75, 84
20.	Berkasih-sayang antara manusia	2%	2	73, 74
TPF 3				
21.	Berusaha mencari rezeki	1%	1	77
22.	Menjauhi perbuatan dan percakapan sia-sia	1%	1	50
23.	Melaksanakan amanah dan janji	1%	1	53
24.	Menunaikan hak manusia	1%	1	68
25.	Bersabar	1%	1	11
26.	Menjauhi Arak	1%	1	18
27.	Menjauhi Judi	1%	1	19
28.	Menjauhi Riba	1%	1	9
29.	Tidak menilik nasib	1%	1	21
30.	Menjaga pandangan	1%	1	56
JUMLAH		100%	86	

Berdasarkan Jadual 2 di atas, 30 TPF yang disenaraikan mempunyai peratus kekerapan yang berbeza. Peratus kekerapan ini menjadi pemberat kepada setiap TPF dan secara tidak langsung menjadi kayu ukur kepada keutamaan setiap TPF tersebut. Berdasarkan analisis dalam Jadual 2, TPF beriman (10%), mentaati perintah Allah SWT (8%), bertakwa (7%), dan berjihad di jalan Allah (7%) merupakan TPF yang mempunyai keutamaan tertinggi berbanding TPF yang lain. Hal ini kerana TPF ini dinyatakan lebih banyak di dalam ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan al-falāh. Kemudian diikuti dengan TPF melaksanakan solat (5%), beribadah dan beramal soleh (5%), tidak melakukan kezaliman (5%), melakukan kebajikan (5%), bertaubat serta menyucikan jiwa (5%) dan bersedekah, berinfak dan berzakat (5%) yang masing-masing memiliki keutamaan yang sama.

TPF seterusnya ialah berzikir dan mengingati Allah SWT (4%), tidak mensyirikkan-Nya (4%), menjaga aurat (4%), dan tidak mengadakan pembohongan terhadap Allah SWT (4%). Selepas itu diikuti TPF mengikuti dan memuliakan Rasulullah SAW (2%), melaksanakan amar makruf nahi mungkar (2%), bersyukur dengan nikmat (2%), memelihara maruah dan menjauhi zina (2%), menjauhi sifat bakhil (2%), dan berkasih sayang antara manusia (2%).

Manakala yang terakhir melibatkan TPF berusaha mencari rezeki (1%), menjauhi perbuatan dan percakapan sia-sia (1%), melaksanakan amanah dan janji (1%), menunaikan hak manusia (1%), bersabar (1%), menjauhi arak (1%), judi (1%), riba (1%), tidak menilik nasib (1%), dan menjaga pandangan (1%).

Berdasarkan 30 TPF yang diperolehi, kajian ini akan membincangkannya dengan membahagikannya kepada 3 bahagian. Pembahagian dilakukan berdasarkan nilai pemberat TPF dari peratus paling tinggi ke rendah dengan membahagikannya kepada TPF 1 (>5%), TPF 2 (2-4%) dan TPF 3 (1%).

Perbincangan

TPF 1

Analisis Tret Personaliti al-Falāh dalam al-Quran

Terdapat 10 TPF yang disenaraikan dalam keutamaan 1 iaitu (1) beriman, (2) mentaati perintah Allah, (3) bertakwa, (4) berjihad di jalan Allah, (5) melaksanakan solat, (6) beribadah dan beramal soleh, (7) tidak melakukan kezaliman, (8) melakukan kebajikan, (9) bertaubat dan menyucikan jiwa, dan (10) bersedekah, infak dan zakat harta.

TPF 1 dikenal pasti menjadi asas utama bagi ciri kejayaan dalam Islam. Beriman adalah indikator paling utama dalam Islam kerana menjadi dasar kepada penilaian Allah SWT kepada diri setiap manusia. Iman merupakan akar tunjang kepada kehidupan *al-falāh* seseorang kerana dari iman akan melahirkan ketaatan, ketakwaan dan usaha dalam melaksanakan jihad di jalan Allah SWT. Bukti ketakwaan dan jihad ini dapat dilihat dalam perbuatan seseorang seperti solat, beribadah dan beramal soleh. Amalan ibadah yang berlandaskan ketakwaan akan mendorong seseorang untuk melakukan kebajikan dan menjauhkan diri daripada berlaku zalim. Sifat manusia yang mudah lalai menuntut manusia agar sentiasa memohon keampunan dengan menyucikan diri dan bertaubat. Manusia yang mempunyai ciri-ciri *al-falāh* tidak meletakkan dunia sebagai matlamat kehidupan atau tidak mencintai dunia melebihi akhirat. Ini ditunjukkan melalui perbuatan bersedekah, berinfaq dan berzakat yang daripada amalan itu dapat dimanfaatkan oleh orang lain.

Menurut Nurul Hudani & Baharudin (2016) iman, Islam, takwa dan ihsan adalah kunci personaliti dalam Islam. Setiap TPF dalam keutamaan 1 didapati menjadi perkara penting yang perlu dilakukan atau dikuasai oleh individu Mukmin. Dari perspektif Islam, orang mukmin itu adalah orang-orang yang mendapat keuntungan atau mereka yang berjaya.

TPF 2

TPF 2 juga menyenaraikan 10 TPF iaitu (1) berzikir dan mengingati Allah, (2) tidak mensyirikkan Allah, (3) menjaga aurat, (4) tidak mengadakan kebohongan terhadap Allah, (5) mengikut dan memuliakan Rasulullah SAW, (6) melaksanakan Amar Makruf Nahi Mungkar, (7) Bersyukur, (8) memelihara maruah diri dan menjauhi zina, (9) menjauhi sifat bakhil, dan (10) berkasih-sayang antara manusia.

TPF 2 juga merupakan tret personaliti utama bagi mencapai *al-falāh* sebagaimana TPF 1. Namun bezanya TPF 1 merupakan tret personaliti paling asas yang perlu dilaksanakan atau dimiliki oleh individu *al-falāh*. TPF 2 didapati merupakan tret personaliti yang dapat melestarikan kehidupan *al-falāh*. Sebagai contoh, zikir dapat meningkatkan lagi kebersihan jiwa, manakala perbuatan syirik seperti menyembah atau bergantung selain daripada Allah SWT boleh merosakkan iman. Menjaga aurat pula walaupun jika tidak dilakukan tidak merosakkan akidah namun hikmah melakukannya sangat besar seperti selamat dari mata jahat, dan lebih dihormati (al-Quran, 33:59). Hikmah ini boleh memberi rasa selamat dan ketenangan kepada individu yang mengamalkannya.

TPF 3

Dalam TPF 3, 10 TPF yang disenaraikan ialah (1) berusaha mencari rezeki, (2) menjauhi perbuatan dan percakapan sia-sia, (3) melaksanakan amanah dan janji, (4) menunaikan hak manusia, (5) bersabar, (6) menjauhi arak, (7) menjauhi judi, (8) menjauhi riba, (9) tidak menilik nasib, dan (10) menjaga pandangan.

TPF 3 dapat menyempurnakan dan meningkatkan lagi kualiti keperibadian *al-falāh* bagi individu yang memilikinya. Bezanya, TPF 3 dengan TPF 1 dan 2 ialah ianya boleh dimiliki oleh orang beriman atau tidak beriman kepada Allah SWT. Jadi tret ini mudah dimiliki oleh setiap manusia dan mereka yang melakukannya akan memberi manfaat dan keberuntungan khususnya hidup di dunia. Walau bagaimanapun, TPF 3 ini juga mudah dipandang ringan sehingga menjadi perkara sukar untuk kebanyakan individu melaksanakannya termasuk orang-orang yang beriman. Antaranya seperti menjauhi perbuatan dan percakapan sia-sia. Memang percakapan sia-sia tidak salah tetapi perbuatan ini cenderung kepada dosa. Perbuatan ini semakin mudah dilakukan terutama dengan banyaknya saluran media sosial di internet pada masa kini. Begitu juga, semakin ramai malas berusaha mencari rezeki dan hendak mencari rezeki dengan jalan yang mudah tanpa mengambil kira aspek keberkatan. Sedangkan berusaha mencari rezeki yang halal dengan kudrat dan kemampuan yang diberi itu membawa nilai keberkatan dalam kehidupan. Keberkatan itu pula asas kejayaan hidup. Selain itu, kesabaran juga sukar untuk dilaksanakan kerana dikawal oleh nafsu dan emosi. Sedangkan kesabaran itu adalah tanda kekuatan jiwa. Dan jiwa yang kuat adalah jiwa yang sejahtera.

Oleh itu, jelas di sini, TPF 1 merupakan tret paling penting dan menjadi asas kepada personaliti *al-falāh*. Hal ini kerana TPF 1 berkait dengan keimanan dan akidah yang menjadi prinsip dan pegangan hidup seseorang. TPF 2 pula merupakan tret yang dapat membangunkan dan menguatkan TPF 1. Namun, tanpa TPF 1 bagi seseorang individu maka amat sukar atau hampir tiada TPF 2. Manakala TPF 3 pula, tidak terikat dengan TPF 1 dan 2, namun individu yang memilikinya mendapat manfaat di dunia. Oleh itu, gabungan TPF 1, 2 dan 3 membentuk individu yang berkualiti yang dijanjikan Allah SWT mendapat kejayaan dan keberuntungan di dunia dan akhirat.

4.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, al-Quran telah memberi panduan dan memperincikan ciri-ciri manusia yang berjaya. Kejayaan di dalam Islam tidak sekadar untuk di dunia malah juga di akhirat. Kejayaan melalui pengukuran manusia sangat subjektif sehingga sukar untuk dipenuhi dan ini memberi tekanan dan melemahkan jiwa seseorang. Namun, Allah SWT telah memberi pengukuran yang jelas dan hanya manusia harus berusaha untuk melaksanakannya. Implikasi kajian ini, dengan senarai 30 TPF yang dikenal pasti melalui al-Quran ini boleh menjadi indikator dalam membina soal selidik serta menjadi instrumen bagi kajian berkait dengan al-falāh. 30 TPF ini juga boleh menjadi landasan bagi membina indeks kebahagiaan dan kesejahteraan masyarakat. Selain itu, dapat menjadi dasar dalam pembangunan kurikulum pendidikan agar dapat melahirkan generasi yang al-falāh.

Penghargaan

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana menyediakan dana penyelidikan FRGS/1/2019/SSI03/UKM/03/2.

Rujukan

- Nurul Hudani Md. Nawi & Baharudin Othman. 2016. Personaliti: Konsep, kunci dan sumber menurut perspektif Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies UMRAN* 3(3): 15-24.
- Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhammad @ Kawangit. 2020. Personaliti pendakwah dalam mengantuni masyarakat non-Muslim. *Al-Hikmah* 12(1): 19-36.
- Ayoub, M., Briley, D. A., Grotzinger, A., Patterson, M. W., Engelhardt, L. E., Tackett, J. L., Harden, K. P. & Tucker-Drob, D. M. 2019. Genetic and environmental associations between child personality and parenting. *Social Psychological and Personality Science* 10 (6): 711-721.
- Siti Rohmatul Ummah. 2018. "Hubungan antara al-Fallah (petani) dengan konsep al-falāh dalam Al-Quran," *Pancawahana: Jurnal Studi Islam* 13 (1) : 41-71.
- Siti Fajriah, Didi Junaedi, M. Maimun. 2016. "Al-falāh dan Al-Farah (Studi ma'anil Quran dan tafsir tematik dalam Tafsir Al-Azhar)," *Diya al-Afkar* 4: 107-127.
- Khaerul Aqbar, Azwa Iskandar, Akhmad Hanafi. 2020. "Konsep al-falāh dan implementasinya dalam ekonomi", *Bustanul Fuqaha: Jurnal Bidang Hukum Islam*, 1(3): 516-531.
- Sidek Baba. 2003. "Globalisasi dan cabaran pendidikan Islam", dlm. Suzalie Mohamad & Institusi Kefahaman Islam Malaysia (pnvt.) *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*, Institusi Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur, (2003): 3-13.
- Nur Sahida Mohamad. 2013. "Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awal", *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 1 : 355-370.
- Hussain Unang. 1994. *Kamus al-Tullab*. Dar al-Fikr
- Shuhairimi Abdullah. 2012. "Ciri-ciri umum usahawan Berjaya: analisis daripada perspektif Islam", *International Journal of Business and Technopreneurship*, 2(1): 163-187.
- Dudung Abdullah. 2015. "Wawasan al-Qur'an tentang al-falāh: Suatu kajian tafsir maudu'i", Tesis Doktor Falsafah. Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din, Muhammad bin Mukram. 1968. "Lisan al-Arab", Beirut: Dar Saderth.
- Mahmud Ahmad Mahmud Mukhlis. 2016. *Muqawwat al-falāh di al-Quran Karim*, Dirasat Mawdu'iyah, Manufiyah: Jami'at al-Azhar.

Analisis Tret Personaliti al-Falāḥ dalam al-Quran

- Sidek Baba. 2003. "Globalisasi dan cabaran pendidikan Islam", dlm. Suzalie Mohamad & Institusi Kefahaman Islam Malaysia (pnyt.) Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia, Institusi Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur : 3-13.
- Noor Hayati. 2016. "Tahap Kefahaman Murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa 2 Daerah Hulu Selangor Terhadap Konsep Al-falāḥ", (Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Mohd Zain Mubarak. 2015. "Konsep Keusahawanan Islam: Terminologi, Kerohanian dan Al-falāḥ", Dlm. Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam dan Keusahawanan Sosial: 1-14. Langkawi, 12-14 Oktober.
- Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad. 2013. "Pembangunan menurut perspektif Islam: Satu analisis awalan", Dlm. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKIM VIII), Johor Bahru, 7-9 Jun 2013: 355-370.
- Mohd Zain Mubarak. "Konsep Keusahawanan Islam: Terminologi, Kerohanian dan Al-falāḥ", Dlm. Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam dan Keusahawanan Sosial di Langkawi pada 12-14 Oktober 2015: 1-14.
- Mohd Adib Abd Muin, Azizi Abu Bakar dan Shuhairimi Abdullah. 2014. "Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Islam", *Journal of Human Development and Communication*, 3: 129-141
- Nur Sahida Mohamad. 2013. "Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan, Prosiding PERKEM VIII", Jilid 1: 355-370.
- Mohd Annas Shafiq Ayob. 2020. "Perspektif Hamka dan Aristotle mengenai kebahagiaan", *Jurnal Hadhari* 12(1): 45-59.
- Azahan Awang, Abdul Samad Hadi, Jamaluddin Md. Jahi, Asmah Ahamad & Abdul Hadi Harman Shah. 2006. "Mendefinisi semula makna kualiti hidup masyarakat bandar dalam konteks ilmu sosial", *Malaysian Journal of Environmental Management* 7: 19-32.